



PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

PEKELILING MAJIKAN BIL. 8 TAHUN 2021

PELAKSANAAN INSENTIF PROGRAM KERJAYAGIG

1. TUJUAN

1.1 Pekeling Majikan ini bertujuan untuk menjelaskan kepada Penyedia Perkhidmatan Gig yang dikenali sebagai Operator mengenai perlaksanaan Insentif Program KerjayaGig.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pelaksanaan Insentif Program KerjayaGig yang sebelum ini di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) akan diteruskan dengan penambahbaikan di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH). Permohonan program ini telah dilanjutkan pada 1 Julai 2021 sehingga 31 Disember 2021 kepada semua Operator dan Orang Bekerja Sendiri (OBS).

2.2 Inisiatif ini bertujuan merangsang permintaan pekerja secara jangka masa pendek di kalangan Operator dan meningkatkan kebolehpekerjaan serta peluang pekerjaan di kalangan pencari kerja tempatan yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

2.3 Insentif di bawah KerjayaGig adalah seperti berikut:

- i. Insentif sebanyak RM 600 bagi setiap individu selagi mana mereka aktif menjalankan pekerjaan sendiri/gig sehingga 6 bulan.
- ii. Insentif berjumlah RM 200 kepada organisasi, majikan, platform atau pertubuhan bagi setiap pengambilan pekerjaan sementara atau Gig yang disediakan oleh Operator yang berdaftar dengan PERKESO.

3. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- 3.1 Organisasi, platform dan pertubuhan termasuk e-hailing, perniagaan digital, sebarang platform pekerjaan sendiri yang berdaftar dengan PERKESO dan menyediakan peluang pekerjaan jangka pendek bagi kategori pencari kerja yang layak, boleh memohon Insentif Program KerjayaGig.
- 3.2 Operator perlu memastikan Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang diambil adalah dalam kategori seperti berikut:
- i. Pekerja formal yang digajikan dan berdaftar dengan PERKESO namun diberikan notis cuti tanpa gaji atau dikurangkan gaji.
 - ii. Individu yang kehilangan pekerjaan yang telah berdaftar dengan PERKESO.
 - iii. Pencari kerja daripada golongan rentan. Antaranya, golongan hilang upaya, ibu tunggal, ketua keluarga kurang berkemampuan yang berdaftar dengan e-Kasih, gelandangan dan sebagainya.
 - iv. Penganggur tegar termasuk graduan yang menganggur lebih dari 180 hari.

**Nota: Semua pekerja untuk program ini mesti berumur 18-60 tahun.*

4. PERMOHONAN OPERATOR

- 4.1 Mulai 1 April 2021, Operator yang telah membuat pengambilan Orang Bekerja Sendiri (OBS) pada atau selepas 17 Mac 2021 boleh membuat permohonan Insentif KerjayaGig bagi pekerja tersebut.
- 4.2 Operator boleh membuat permohonan Insentif KerjayaGig dengan langkah-langkah seperti berikut:
- i. Operator perlu membuat pendaftaran syarikat di bawah PERKESO dan Portal ASSIST bagi mendapatkan Kod majikan PERKESO.

- ii. Operator hendaklah mendaftar dan mengiklankan kekosongan jawatan di dalam Portal MYFutureJobs (www.myfuturejobs.goy.my).
 - iii. Setelah langkah i dan ii telah dilakukan, Operator boleh membuat permohonan KerjayaGig di sistem PenjanaKerjaya di laman sesawang penjanakerjaya.perkeso.gov.my dan seterusnya memasukkan maklumat Orang Bekerja Sendiri (OBS).
- 4.3 Dokumen yang diperlukan oleh operator bagi permohonan Program Insentif KerjayaGig adalah seperti berikut:
- i. Maklumat akaun bank syarikat (salinan halaman hadapan Penyata Bank / muka depan buku bank yang tertera nama Operator, nombor akaun syarikat dan nama bank);
 - ii. Maklumat nombor pendaftaran perniagaan syarikat yang telah disahkan oleh pihak bank (Business Registration Number - BRN);
- Nota: Operator dinasihatkan untuk menyemak maklumat i dan ii diatas adalah betul bagi mengelakkan sebarang kelewatan pemprosesan bayaran.***
- 4.4 Pihak Perkeso (Pelulus) akan menyemak dan meluluskan permohonan Operator sekiranya permohonan telah lengkap dan segala butiran adalah benar.
- 4.5 Operator yang tidak menyediakan pembuktian aktiviti pekerjaan cetakan berkomputer yang mengandungi letterhead rasmi atau logo syarikat perlu mengesahkan bukti aktiviti pekerjaan (Log Aktiviti KerjayaGig sekurang-kurangnya 40 jam sebulan tertakluk pada tugas yang setimpal menggunakan jumlah jam bekerja) yang dikemukakan oleh Orang Bekerja Sendiri (OBS) setiap bulan, bagi membolehkan mereka membuat tuntutan bayaran insentif pada bulan kedua dan berikutnya.
- 4.6 Orang Bekerja Sendiri (OBS) juga perlu membuat pengesahan dan seterusnya Operator akan menerima bayaran pertama sekiranya permohonan Orang Bekerja Sendiri (OBS) diluluskan.
- Nota: Sekiranya Orang Bekerja Sendiri (OBS) mengalami kesukaran untuk mengemaskini profil di Portal Penjana Kerjaya, Operator boleh memohon bagi pihak Orang Bekerja Sendiri (OBS) tetapi perlu disertakan dengan Borang Pengesahan yang dibuat oleh Orang Bekerja Sendiri (OBS).***

5. Pengesahan Orang Bekerja Sendiri (OBS)

5.1 Orang Bekerja Sendiri yang didaftarkan oleh operator dan hanya pengambilan pada tarikh 17 Mac 2021 sehingga 31 Disember 2021 boleh membuat pengesahan bagi Program Kerjaya Gig ini tetapi haruslah melalui permohonan operator terlebih dahulu.

5.2 Orang Bekerja Sendiri boleh membuat pengesahan Insentif KerjayaGig dengan langkah-langkah seperti berikut:

- i. OBS wajib untuk mendaftar profil di portal www.myfuturejobs.gov.my
- ii. OBS perlu mencari pekerjaan melalui penyedia perkhidmatan (Operator) yang menyediakan pekerjaan sendiri (freelance) yang berdaftar dengan PERKESO sahaja.
- iii. OBS yang berjaya diterima kerja perlu memaklumkan kepada penyedia perkhidmatan (Operator) untuk mendaftarkan dirinya di dalam Portal PenjanaKerjaya di bawah program KerjayaGig.
- iv. Setelah permohonan operator diluluskan, OBS akan menerima email notifikasi yang mengandungi *username* dan kata laluan untuk log masuk portal PenjanaKerjaya.
- v. OBS perlu mengemaskini profil di portal PenjanaKerjaya bagi mendapatkan bayaran bulan pertama di penjanakerjaya.perkeso.gov.my
- vi. Bagi bulan kedua dan seterusnya, OBS hanya perlu melengkapkan aktiviti log yang telah disediakan oleh pihak penyelia majikan.

5.3 Dokumen Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang diperlukan untuk pengesahan insentif adalah seperti berikut:

- i. Borang Pengesahan Pekerjaan Gig (Borang 1) yang ditandatangani oleh orang bekerja sendiri.
- ii. Maklumat akaun bank orang bekerja sendiri (salinan muka hadapan penyata bank yang mengandungi nama pekerja, nombor akaun bank, kad pengenalan, dan nama bank).
- iii. Surat atau dokumen mengikut kategori kelayakan.
- iv. Emel pengesahan daripada operator bagi mengesahkan status pekerjaan untuk pekerja sendiri yang baru diambil.

5.4 Orang Bekerja Sendiri (OBS) perlu mengemukakan surat atau dokumen sokongan seperti berikut:

- i. Borang Akuan Tidak Bekerja (Borang 3) yang disahkan oleh Penghulu/ Ketua Kampung/ Pengerusi JKKG setempat/ Pegawai Kerajaan Gred A (Gred 41 dan ke atas) atau yang setaraf dengannya.
- ii. Pekerja formal yang diberikan **notis cuti tanpa gaji** perlu mengemukakan bukti yang dikeluarkan oleh majikan.
- iii. Individu yang mengalami kehilangan pekerjaan perlu mengemukakan **bukti perberhentian kerja** daripada majikan terdahulu.
- iv. Pencari kerja dari golongan rentan yang berdaftar perlu mengemukakan bukti pengesahan yang dikeluarkan oleh agensi yang berkaitan yang didaftarkan oleh kerajaan.
- v. Pencari kerja dari golongan rentan yang tidak berdaftar perlu mengisi **Borang Pengesahan Pendapatan dan Tanggungan Isi Rumah (Borang 2)** yang disahkan oleh Penghulu/ Ketua Kampung/ Pengerusi JKKG setempat/ Pegawai Kerajaan Gred A (Gred 41 dan ke atas) yang setaraf dengannya.

Nota: Orang Bekerja Sendiri (OBS) dinasihatkan untuk menyemak semula maklumat dan dokumen sokongan seperti diatas adalah betul bagi mengelakkan sebarang kelewatan pemprosesan bayaran.

5.5 Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang telah menerima emel daripada PenjanaKerjaya perlu mengemaskini profil dan memuat naik dokumen sokongan dalam masa 7 hari. Sekiranya Orang Bekerja Sendiri (OBS) mempunyai masalah untuk mengemaskini profil, Orang Bekerja Sendiri (OBS) perlu menghubungi Pihak PERKESO (Pelulus) atau emelkan kepada kerjayagig@perkeso.gov.my .

5.6 Seterusnya, pihak PERKESO (Pelulus) akan menyemak segala butiran dan maklumat untuk meluluskan permohonan Orang Bekerja Sendiri (OBS).

5.7 Orang Bekerja Sendiri (OBS) akan menerima bayaran pertama sekiranya segala butiran dan maklumat permohonan Orang Bekerja Sendiri (OBS) telah lengkap dan diluluskan.

5.8 Bagi bayaran bulan kedua dan berikutnya, Orang Bekerja Sendiri (OBS) wajib memuat naik Log Aktiviti setiap bulan. Sekiranya OBS tidak mengemukakan bukti log aktiviti dalam tempoh 60 hari selepas setiap bayaran diterima permohonan bayaran bulan berikutnya akan terbatal dengan sendirinya.

5.9 Pelulus akan menyemak untuk meluluskan permohonan Orang Bekerja Sendiri (OBS) untuk bayaran bulan kedua dan seterusnya.

5.10 Orang Bekerja Sendiri akan menerima pembayaran kedua dan seterusnya jika Log Aktiviti memuaskan dan permohonan Orang Bekerja Sendiri disetujui.

6. PELAKSANAAN BAYARAN

6.1 Bayaran Insentif KerjayaGig akan dibayar kepada Operator secara *one-off* sebanyak RM 200 dan akan dikreditkan ke dalam akaun Operator dalam tempoh 30 hari selepas permohonan Orang Bekerja Sendiri (OBS) lengkap dan diluluskan.

6.2 Bayaran Insentif KerjayaGig akan dibayar kepada Orang Bekerja Sendiri (OBS) secara sebanyak RM 600* dan akan dikreditkan ke dalam akaun Orang Bekerja Sendiri (OBS) dalam tempoh 30 hari selepas permohonan lengkap dan diluluskan.

* *tempoh 6 bulan mengikut terma dan syarat*

7. PELAKSANAAN

7.1 Permohonan Program KerjayaGig, perlu dibuat dengan melengkapkan permohonan secara dalam talian di capaian laman sesawang penjanakerjaya.perkeso.gov.my.

7.2 Operator tidak dibenarkan untuk mendaftar profil orang Bekerja Sendiri di MYFutureJobs bagi pihak Orang Bekerja Sendiri. Sekiranya Orang Bekerja Sendiri menghadapi sebarang masalah untuk mendaftar, Orang Bekerja Sendiri boleh mengisi maklumat di link google form yang disediakan atau berhubung dengan pegawai pelulus untuk tindakan selanjutnya.

7.3 Setelah permohonan lengkap oleh Operator dan Orang Bekerja Sendiri (OBS) diterima, PERKESO boleh mengambil tindakan yang berikut:

- i. Meluluskan permohonan tersebut sekiranya semua syarat-syarat di atas dipenuhi;
- ii. Menolak permohonan tersebut jika butir-butir atau dokumen yang dikemukakan palsu, tidak benar atau tidak betul pada masa permohonan dibuat atau semasa permohonan diproses, atau jika Operator dan Orang Bekerja Sendiri (OBS) tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di atas;

- iii. Menggantung dan memberhentikan bayaran jika permohonan atau bayaran dibuat oleh PERKESO tersebut adalah berdasarkan maklumat yang palsu, tidak benar atau tidak betul, atau jika Operator dan Orang Bekerja Sendiri (OBS) tidak memenuhi atau melanggar syarat-syarat yang ditetapkan di atas; dan
- iv. Mengambil apa-apa tindakan undang-undang untuk menuntut semula bayaran balik insentif atau elaun tersebut yang telah dibayar kepada Operator dan Orang Bekerja Sendiri (OBS) sekiranya bayaran tersebut diterima berdasarkan kepada maklumat yang palsu, tidak benar atau tidak betul yang telah diberikan kepada PERKESO oleh mana-mana pihak, atau Operator dan Orang Bekerja Sendiri (OBS); tidak memenuhi atau melanggar syarat-syarat yang ditetapkan selepas penerimaan bayaran bagi Program Insentif tersebut.

8. PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi talian perkhidmatan khas di 03-80915300 / 1-300-22-8000 atau emel kepada kerjayagig@perkeso.gov.my

9. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Majikan Bil. 8 Tahun 2021 adalah berkuat kuasa serta-merta dan tertakluk kepada pindaan yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATU' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATU' AZIZ MOHAMMED)

Ketua Eksekutif

Pertubuhan Keselamatan Sosial

Tarikh: 27 Julai 2021